

## **Program Jom Lepak @masjid jelajah bersama komuniti**



Kuantan, 20 Mei – Seramai 60 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyertai Program Jom Lepak @ Masjid anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) di Masjid Lama Permatang Kuantan.

Program siri jelajah komuniti ini menerapkan elemen dakwah, ibadah dan khidmat sosial kepada masyarakat setempat bagi menjayakan agenda dalam memasyarakatkan universiti dengan hubungan baik melibatkan mahasiswa, universiti dan komuniti.

Menurut Pengarah Program Jom lepak @ Masjid, Ustaz Shahrul Nizam Md Akhir, lokasi kali ini adalah salah satu siri jelajah program khidmat komuniti.



"Program ini adalah kesinambungan dari program sama yang telah dijalankan dengan jayanya di Masjid Paya Bungor, Kuantan bulan April lalu. Melalui program ini diterapkan elemen dakwah, ibadah dan khidmat sosial kepada masyarakat setempat selain menyeru masyarakat setempat terutama generasi muda mengimarahkan masjid," katanya.

Selain itu program ini merupakan salah satu medium bagi warga UMP untuk berbakti kepada masyarakat setempat. Program ini berlangsung selama dua hari dan melibatkan penyertaan pelajar UMP dari Pekan dan kampus Gambang.



Antara aktiviti yang dijalankan ialah Forum Muqarabin yang bertajuk "Malam Pertama Alam Kubur" dengan barisan panel forum terdiri dari Al-Fadhil Ustaz Uwais Al-Qarni Abdul Wahab, Pengetua Maahad Tahfiz Ribath al-Mustafa dan Pensyarah Kanan UMP, Dr. Mohamad Hilmi Mat Said. Lain-lain aktiviti ialah Qiammullail, Kuliah Subuh, gotong-royong memasak dan membersihkan masjid bersama Jemaah masjid.

**Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : NORHIDAYAH BINTI MOHAMAD Date Posted : 30-05-2016, 08:29:57